**ABDUL JALIL ABDUL WAHAB**

**lwn.**

**LIEW FOONG**

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
ABDUL RAZAK H
[GUAMAN SIVIL NO. P25-1258-86]
14 NOVEMBER 1989

***TORT:*** *Plaintif menuntut daripada defendan gantirugi berbangkit dari satu kemalangan di jalanraya - Tuntutan yang dibenarkan oleh Mahkamah tertakluk kepada s. 28(a) Akta Undang-undang Sivil 1956.*

Pihak plaintif menuntut daripada defendan gantirugi berbangkit dari satu kemalangan di jalanraya. Ia menjadi seorang penumpang di dalam sebuah van bernombor WT 2972 yang berlanggar dengan sebuah kereta bernombor AAH 3190 yang datang dari hadapan, yang dipandu oleh defendan. Pihak plaintif mendakwa kemalangan itu berlaku kerana kecuaian defendan memandu keretanya. Defendan berkata beliau sedang memandu menghala ke Grik, apabila beliau sampai ke tempat kejadian beliau mendapati jalan di sebelah kirinya sedang dibaiki dan memperlahankan keretanya kepada kadar 5 batu sejam kerana keadaan jalan itu tidak sempurna. Jalanraya ketika itu mempunyai batu dan tanah dan terlalu kotor. Oleh yang demikian beliau telah memandu ke sebelah kanan jalan.

**Diputuskan:**

**[1]** Mahkamah memutuskan pihak defendan dipersalahkan sepenuhnya di atas kemalangan ini kerana di atas keterangan-keterangan defendan itu sahaja beliau telah didapati bersalah kerana beliau mengaku telah memasuki ke jalan plaintif kerana jalan di sebelah kirinya itu telah dipenuhi oleh tanah, sungguhpun PW2 berkata beliau tidak mendapati ada tanah di atas jalan.

**[2]** Plaintif berjaya membuktikan kecederaan yang dialaminya berpunca dari kemalangan tersebut. Ini disebabkan juga kedua-dua pihak tidak menafikan plaintif tidak parah, tidak cacat dan boleh bersetubuh sebelum kejadian itu berlaku.

**[3]** (a) *Tuntutan terhadap kecederaan whiplash*

tidak dibenarkan kerana ia bertindih-tindih dengan tuntutan kerana lumpuh keseluruhan anggota.

(b) *Tuntutan terhadap lumpuh*

RM200,000 harus diberi memandangkan hakikat inflasi dan kejatuhan nilai matawang selepas kes-kes yang diputuskan 4 tahun dahulu. Juga di bawah s. 28A kesedaran pihak penuntut bahawa umurnya sudah menjadi singkat disebabkan kemalangan itu perlu diambilkira berserta dengan tuntutan kesakitan, kesengsaraan dan kehilangan kebahagiaan-kebahagiaan hidup.

(c) *Rawatan bagi masa hadapan*

Plaintif berkata bahawa tuntutan di bawah tajuk ini tidak termasuk di dalam ertikata s. 28A. Mahkamah berpendapat anggaran jangkamasa hayat plaintif ialah 8 tahun berdasarkan kepada ukuran biasa hayat seseorang itu meningkat kepada 55 tahun. Jumlah kira-kira ialah 8 tahun x RM 300 = RM29,000.

(d) *Kos merawat hingga ke hari Penghakiman.*

Mahkamah memberikan RM18,000.

(e) *Belanja perubatan pada masa hadapan* = RM6,600

(f) *Belanja di Ipoh oleh keluarga* = RM900

(g) *Belanja melawat hospital Kuala Lumpur* = RM8,000

(h) *Kos membaiki rumah*

Mahkamah berpendapat tuntutan ini munasabah kerana dengan keadaan plaintif yang lumpuh, bilik di bawah itu harus diperbesarkan = RM3,000.

(i) *Kos membeli kerusi roda*

Bagi kegunaan seumur hidup plaintif memerlukan dua atau tiga kerusi roda lagi. Harga sebuah kerusi roda ialah RM1,500 x 3 = RM5,000 (taksiran).

(j) *Belanja-belanja yang dipersetujui* = RM958.

(k) *Belanja untuk pakar othopaedic* = RM235.

(l) *Kehilangan pendapatan hingga ke masa perbicaraan* = RM33,000.

(m) *Kehilangan mata pencarian pada masa ke hadapan.*

Berasaskan kepada ukuran hayat umur selama 55 tahun dan plaintif berumur 44 tahun semasa kemalangan, mengikut sifir tahunan (annuity table) RM700 x 5 x ½ jumlah = RM46,200.

Jumlah bersamanya ialah = RM340,893.

Faedah dikenakan atas kadar 8% setahun dari tarikh ini ke tarikh jumlah ini dijelaskan dari kos.

*[Perintah sewajarnya.]*

**Kes-kes yang dirujuk:**
*Yang Salbiah v. Jamil bin Harun [1981] 1 MLJ 292*
*Mohamed Fami Hassan v. Swiss Co. [1986] 1 461*
*Abdul Rahim v. Tam Tuck Meng & Anor. [1986] 2 cclviii*

**Perundangan yang dirujuk:**
Civil Law Act 1956, s. 28A

*Bagi pihak plaintif - Harpal Singh Grewal; T/n. A.J. Ariffin, Chong & Harpal*
*Bagi pihak defendan - Lily Teo; T/n. Yusuf Lee Pathma & Marbeck*

## PENGHAKIMAN

**Abdul Razak H:**

Pihak plaintif menuntut daripada defendan gantirugi berbangkit dari satu kemalangan di jalanraya. Ia adalah seorang penumpang di dalam sebuah van bernombor WT 2972 yang berlanggar dengan sebuah kereta bernombor AAH 3190 yang datang dari hadapan, yang dipandu oleh defendan. Pihak plaintif mendakwa kemalangan itu berlaku kerana kecuaian defendan memandu keretanya. Pihak defendan sebaliknya berkata pemandu kereta plaintif

bernama Mustapa Kamal itu yang sebenarnya bersalah kerana memandunya dengan cuai, dan dengan itu mengambil tindakan pihak ketiga (Third party action) terhadap Mustapa Kamal tersebut.

Mengikut Mustapa Kamal (PW.4), kejadian itu berlaku lebih kurang 9 batu dari Grik. Sebelum sampai di situ dia melihat jalan itu diselubungi oleh habuk, dan memperlahankan keretanya dan membelok ke kanan untuk berhenti. Tidak ada kereta dilihatnya di sebelah jalanraya pada masa ia berhenti. Van itu berhenti di tempat yang bertanda (1) di dalam rajah kasar. Sejurus selepas ia berhenti, sebuah kereta tiba-tiba datang dari sebelah hadapan, dan melanggarnya. Pada masa perlanggaran itu sebahagian dari kenderaannya berada di atas jalan dan sebahagian lagi di luarjalan.

Pihak defendan pula berkata ia berjalan menghala ke Grik, apabila ia sampai ke tempat kejadian ia 'mendapati jalan di sebelah kirinya sedang dibaiki dan memperlahankan keretanya kepada kadar 5 batu satu jam kerana keadaan jalan itu tidak sempurna. Jalanraya ketika itu mempunyai batu dan tanah dan terlalu kotor. Dengan sebab itu dia telah kemudian berjalan ke sebelah kanan jalan. Sebelum sampai ke tempat kejadian beberapa kereta telah memotong keretanya yang berjalan lebih laju lagi. Dengan sebab itu jalan itu telah menjadi berdebu. Semasa kereta-kereta itu memotong ia sudah berada di sebelah kanan jalan. Apabila jalan itu telah cerah sedikit, ia telah ternampak kereta plaintif, berada di sebelah kanan jalan, agak 80 kaki jarak daripadanya.

Pihak polis, PW.2, telah memberi keterangan bahawa tidak terdapat tanah di atas jalan di tempat kejadian, sungguhpun jalan itu sedang dibaiki, tetapi mendapati tanah di sebelah kiri jalan menghala ke Grik telah runtuh tetapi telah dibersihkan. Separuh jalan itu sudah ditaruh minyak tar tetapi separuh lagi itu belum; bagaimanapun, jalan yang belum siap itu boleh dilalui; jalan itu didapatinya berhabuk. Satu nombor plate kereta bernombor 972 telah dijumpainya di atas jalan yang ditandanya D di dalam rajah kasar. Nombor plate kereta itu telah pecah.

Saya rasa atas keterangan pihak defendan itu sahaja ia telah didapati bersalah kerana ia mengaku telah memasuki ke jalan plaintiff kerana jalan di sebelah kirinya itu telah dipenuhi oleh tanah, sungguhpun PW.2 berkata dia tidak mendapati ada tanah terletak di atas jalan. Defendan mendakwa dia tidak nampak jalan di hadapannya kerana telah diselubungi oleh habuk, tetapi bagaimanakah kereta-kereta yang memotongnya itu boleh nampak dan telah berjalan dengan baik dengan tidak berlanggar. Katanya pada mula-mulanya ia ternampak, plaintif berada dalam anggaran 80 kaki daripadanya dan pada masa itu dia sedang berjalan dalam 5 batu satu jam. Saya rasa agak mustahil, dalam jarak yang begitu jauh dan berjalan dengan begitu perlahan, defendan boleh berlanggar dengan plaintif dengan tidak dapat mengelaknya. Tentulah rasa saya kerana dia sendiri telah tidak berjaga-jaga, kerana kenapakah orang lain tidak mengalami apa-apa kemalangan, sungguhpun mereka juga terpaksa menempoh jalan yang tidak baik, yang masih di dalam pemulihan. Plaintif berkata ia telah berhenti di tepi jalan kerana jalan itu telah dipenuhi habuk. Defendan pula berkata plaintif tidak seharusnya berhenti. Saya tidak faham apa maksud ia berkata begitu kerana apakah lagi yang seharusnya dilakukan oleh plaintif. Bagaimanapun, apakah plaintif mesti dipersalahkan yang ketika itu berada di tempatnya sendiri. Kalau defendan tidak masuk ke jalan orang, tentulah kemalangan itu tidak berlaku.

Saya memutuskan oleh itu bahawa pihak defendan dipersalahkan sepenuhnya atas kemalangan ini. Atas hakikat ini maka tuntutan terhadap pihak ketiga itu adalah ditolak dengan bayaran kos.

***Ganti rugi***

Agak perlu dinyatakan di sini bahawa pihak peguam defendan telah menyoal di dalam hujahnya bagaimana pihak plaintif telah mengalami kecederaannya. Katanya plaintif telah gagal membuktikan perkara itu. Sikap ini agak menghairankan saya kerana satu dari perkara yang telah dipersetujui oleh kedua pihak ialah bahawa kecederaan yang berbangkit telah timbul dari perlanggaran tersebut. Bagaimanapun apakah bukti yang perlu dikehendaki lagi. Tentulah hakikat dari perlanggaran itu sahaja bahawa kecederaan yang ditimpa oleh plaintif itu berpunca dari kemalangan tersebut. Jika tidak, dari sebab apakah kerana kedua-dua pihak tidak menafikan pihak plaintif tidak parah, tidak cacat dan boleh bersetubuh sebelum kejadian itu berlaku.

***Butir-butir tuntutan***

Bentuk pampasan yang harus dibayar telah disarankan oleh plaintif di dalam keadaan yang agak serupa seperti kes *Yang Salbiah v. Jamil bin Harun* [1981] 1 MLJ 292 di mana perkara-perkara seperti berikut telah dibangkitkan:

(1) Kesakitan dan kesengsaraan (pain and suffering) dan kehilangan keenakan hidup (loss of amenities).

(2) Perbelanjaan-perbelanjaan yang terpaksa dibayar (out of pocket expenses) hingga ke tarikh perbicaraan.

(3) Perbelanjaan menjaga pesakit hingga ke hari perbicaraan beserta dengan faedah.

(4) Kehilangan mata pencarian hingga ke hari perbicaraan dengan faedah.

(5) Perbelanjaan menjaga pesakit bagi masa hadapan.

(6) Kehilangan mata pencarian di masa hadapan.

Tuntutan-tuntutan ini adalah tertakluk kepada s. 28(A) Akta Undang-undang Sivil 1956 terhadap hadnya. Butir-butir tuntutan plaintif adalah seperti berikut:

(a) *Kecederaan whiplash*

dituntut sebanyak RM12,000 hingga RM15,000. Pihak plaintif merujuk kepada kes *Chee Geok Yong & Anor. v. Ong Bong Ngee.*

Saya berpendapat tuntutan ini tidak boleh dibenarkan kerana ia bertindih-tindih dengan tuntutan kerana lumpuh keseluruhan anggota.

(b) *Lumpuh*

Sebanyak antara RM200,000 hingga RM220,000 dituntut. Kes yang dikemukakan ialah *Mohamed Fami Hassan v. Swiss Co.* [1986] 1 461 dan *Abdul Rahim v. Tam Tuck Meng & Anor.* [1986] 2 cclviii - Di situ pembahagiannya ialah, RM180,000 pada tahun 1985, dan plaintif berumur 44 tahun pada tarikh kejadian. Pihak defendan di hadapan saya tidak menyatakan apa sebab kes-kes ini tidak dapat diterima.

Saya memutuskan bahawa pampasan sebanyak RM200,000 harus diberi. Dua faktor harus diambilkira. Kes-kes yang dinyatakan diputuskan empat tahun dahulu; hakikat inflasi dan kejatuhan harga yang menurun, harus diambilkira. Kedua, di bawah s. 28A kesedaran pihak penuntut bahawa umurnya sudah menjadi singkat disebabkan kemalangan itu, perlu diambilkira beserta dengan tuntutan kesakitan, kesengsaraan dan kehilangan kebahagian-kebahagian hidup (loss of amenities).

(c) *Rawatan bagi masa hadapan*

Pihak plaintif berkata bahawa tuntutan di bawah tajuk ini tidak termasuk di dalam ertikata s. 28A. Pihak defendant menafikan, dan menegaskan bahawa formula yang dinyatakan di dalam seksyen itu hendaklah digunakan. Tetapi seksyen itu tidak berkata formula itu harus digunakan. Kalau ini dimaksudkan tentulah telah dinyatakan oleh akta itu dengan jelas. Bagaimanapun, saya berpendapat jumlah yang harus dibayar ialah RM300 sebulan bukan RM1,500. Pada pendapat saya angka ini agak tinggi memandangkan kepada gaji-gaji orang bekerja di rumah pada masa ini.

Saya berpendapat anggaran jangkamasa hayat plaintif ialah 8 tahun, berdasarkan kepada ukuran biasanya hayat seseorang itu meningkat kepada 55 tahun, saya juga mengambilkira bahawa kerja-kerja merawat plaintif harus juga dibantu oleh seorang isteri terutama apabila membuang air besar dan kecil. Jumlah kira-kiranya ialah 8 x RM300 = RM29,000.

(d) *Kos merawat hingga ke hari penghakiman*

Pada pendapat saya jumlah yang dituntut sebanyak RM1,200 sebulan itu selama 4 tahun terlalu tinggi. Saya memutuskan jumlahnya ialah RM380 x 4 = RM18,000.

(e) *Belanja perubatan pada masa hadapan*

Saya bersetuju perbelanjaannya RM50 sebulan, tetapi atas anggaran hayat 11 tahun = RM6,600.

(f) *Belanja di Ipoh oleh keluarga*

Telah dipersetujui sebanyak RM900.

(g) *Belanja melawat Hospital Kuala Lumpur*

Saya berpendapat belanja teksi dan sebagainya ialah RM30 x 270 hari = RM8,000. Tajuk ini tidak dipertikaikan. Cuma atas jumlahnya.

(h) *Kos membaiki rumah*

Kerja-kerja ini telah diterangkan dengan teliti. Saya berasa tuntutan ini munasabah kerana dengan keadaannya yang lumpuh, bilik di bawah itu harus diperbesarkan - RM3,000

(i) *Kos membeli kerusi beroda* (wheel chair)

Kerusi beroda perlu dengan keadaan plaintif yang tidak boleh berjalan lagi. Saya diberitahu oleh plaintif kerusi roda yang ada sudah digunakan selama tiga tahun hasil dari dermaan dan akan perlu diganti. Bagi kegunaan seumur hidupnya ia mungkin memerlukan dua atau tiga kerusi lagi. Harganya ditaksirkan sebuah sebanyak RM1,500

= RM5,000

(j) *Belanja-belanja yang dipersetujui*

= RM 958

(k) *Belanja untuk pakar othopaedic*

Resit bagi ini telah dikemukakan (lihat gulung F muka 4) - RM 235

(l) *Kehilangan pendapatan sehingga ke masa perbicaraan*

Plaintiff berkata ia telah kehilangan mata pencarian sebanyak RM800 - RM1000 sebulan. Sijil-sijil dari Kementerian Kerja Raya sebagai kontraktor binaan dan dari Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan terhadap kecekapannya bertukang sebagai pekerja membuat simen (mason), telah dikemukakan. Semasa kejadian dia telah memulakan kerja-kerja membaiki rumah dan membetulkan paip dan sebagainya, tetapi belum mendaftar dirinya sebagai kontraktor kerana pada masa itu ia sedang menunggu dipanggil untuk temuduga. Saya perhatikan kerja-kerjanya itu baharu bermula 5 bulan sahaja sebelum kecederaannya. Dengan pengalamannya yang masih baharu itu ia seharusnya boleh mendapat dalam anggaran RM700 satu bulan sahaja. Kehilangan pendapatannya ialah RM700 x 4 = RM 33,000

(m) *Kehilangan mata pencarian pada masa ke hadapan*

Berasaskan kepada ukuran hayat umum selama 55 tahun dan plaintif berumur 44 tahun semasa kemalangan, mengikut sifir tahunan (annuity table) RM700 x 5½ jumlah ialah - RM 46,200

Jumlah kesemuanya ialah - RM340,893

Saya memutuskan juga bahawa faedah dikenakan atas dasar 8% setahun dari tarikh ini ke tarikh jumlah ini dijelaskan dengan kos.

Also found at [1990] 1 CLJ 729